

22/10/1997

Hanya Mahathir berani suarakan kebenaran: CAP

GEORGETOWN, Selasa - Ketegasan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung krisis mata wang dihadapi Malaysia ketika ini serta pasaran antarabangsa bagi mata wang asing perlu mendapat sokongan padu semua pihak di negara ini.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), S M Mohd Idris, berkata kritikan terbuka Dr Mahathir terhadap spekulator mata wang adalah satu keberanian kerana beliau adalah seorang daripada beberapa (atau hanya dia seorang) ketua kerajaan di dunia berani menyuarakan kebenaran.

Beliau berkata, krisis mata wang dihadapi negara dan beberapa negara Asean ketika ini menyebabkan kesukaran kepada rakyat dan eksploitasi sistem kewangan dunia.

"Seperti yang dijangka media yang dikuasai Barat cuba mencemuh Perdana Menteri dan menggambarkan gesaannya supaya mengharamkan manipulasi mata wang (atau sekurang-kurangnya melaksanakan peraturan antarabangsa untuk mengawal kegiatan itu) sebagai 'sesuatu yang tidak dapat dicapai' dengan realiti semasa.

"Kritikan itu sendirilah yang tidak dapat dicapai dengan realiti. Terdapat bukti yang kuat bahawa pertumbuhan transaksi mata wang yang berjalan tanpa pengawasan atau peraturan dari sebarang pihak berkuasa menyumbang kepada ketidakstabilan bukan hanya di negara membangun tetapi juga di negara maju," katanya dalam kenyataan akhbar yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Menurutnya, disebabkan pertumbuhan perdagangan kewangan elektronik dan ketiadaan peraturan, wang di pasaran berkembang dengan cepat sekali.

Beliau berkata, aliran wang yang didagangkan di dunia mencapai paras menakjubkan iaitu US\$325 trilion pada 1995 atau hampir US\$1 trilion atau \$1,000 sehari.

"Daripada jumlah yang banyak itu, hanya 1.5 peratus sahaja untuk membayar perdagangan sebenar. Bakinya mewakili wang yang ditukarkan untuk membuat wang, pelaburan jangka pendek untuk mendapat kadar faedah tinggi dan spekulasi mata wang.

"Sejumlah wang adalah dalam kawalan sebahagian besar dana kewangan yang begitu banyak hinggakan kerajaan (sama ada di United Kingdom atau Thailand dan Malaysia) tidak mampu menyamainya apabila mata wang mereka diserang," katanya.

Mohd Idris berkata, perkara itu membawa kepada pengaliran keluar dan masuk dana ke negara yang besar, ketidakstabilan yang lebih ketara dan dalam beberapa kes melemahkan keseluruhan ekonomi beberapa negara.

Menurutnya, ramai pemimpin politik di seluruh dunia tahu mengenai perkara ini, malah pemimpin dari negara Barat juga turut bersungut terhadap kemerosotan dalam pihak berkuasa kerajaan dan peningkatan kuasa 'pasaran terbabit'.

"Tetapi mereka takut untuk menyarankan tindakan, hanya Perdana Menteri kita satu-satunya yang berani secara berterus terang menyerang manipulator mata wang dan menggesa supaya digubal satu peraturan antarabangsa. Jadi beliau menjadi sasaran serangan wartawan kewangan ortodok dan beberapa institusi antarabangsa lain yang mahu mengekalkan status quo," katanya.

Beliau berkata, Dr Mahathir mungkin mengambil risiko dicemuh oleh media global atas cadangannya tetapi beliau hanya menyuarakan perasaan dan aspirasi orang ramai di negara membangun (termasuk Malaysia) yang sudah terlalu lama tertakluk kepada kawalan asing.

"Saranan Dr Mahathir supaya pasaran untuk mata wang tertakluk kepada pengawasan seperti juga pasaran untuk komoditi dan saham, untuk barangan dan perkhidmatan, adalah satu pelaksanaan logik yang mudah," katanya.  
(END)